


# Fisur Anus : Apakah yang anda perlu tahu?



DR. Shankar Gunarasa



“Sebab utama penyakit ini terjadi adalah kerana otot pintu lubang dubur menjadi terlalu ketat dan apabila najis keluar, ia menyebabkan lubang dubur terkoyak. Trauma ini juga berlaku kepada lapisan mucosa atau kulit dubur semasa laluan najis yang keras semasa sembelit.”

darah, anda perlu berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan teliti. Tidak kira apa juga punca pendarahan, pesakit perlu berjumpa doktor jika gejala ini berlaku. Ini kerana pemeriksaan terperinci perlu dilakukan oleh doktor untuk memastikan punca pendarahan tidak berulang. Ujian usus kolonoskopi juga perlu dilakukan kepada hampir semua pesakit

yang mengalami pendarahan dari dubur khususnya golongan berumur lebih daripada 50 tahun.

Rawatan pada permulaannya adalah secara konservatif di mana krim topical yang berkhususan ‘calcium channel blockers’ disapu di permukaan dubur untuk melegakan tekanan sphincter/otot di dubur. Ini membolehkan luka atau kessn koyak di dubur sembuh dengan baiknya. Juga pesakit akan diberi ubat pelawas untuk mengelakkan pemuangan

najis yang keras bagi pesakit yang sering sembelit. Ini akan mengurangkan kesan trauma di dubur. Pesakit juga akan dinasihat untuk mengamalkan diet makanan yang berserat. Bagi pesakit yang mengalami masalah *Crohns rektum*, rawatan steroids akan dimulakan dan ini akan membolehkan fisur anus dapat disembuhkan dalam masa yang panjang.

Sekiranya fisur anus ini kronik, maknanya tidak ada cara lain selain pembedahan perlu. Lazimnya pembedahan ‘lateral sphincterotomy’ akan dilakukan di mana sphincter otot dubur dalaman (*internal sphincter*) di kerat satu pertiga daripada ketebalan asalnya. Ini membolehkan tekanan otot sphincter dalaman dikurangkan bagi melegakan kesakitan pesakit. Tetapi pembedahan ini perlu dilakukan dengan cermat agar tidak mengakibatkan kecederaan yang lebih kepada sphincter dalaman yang boleh menyebabkan ‘incontinence’.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah fisur anus anda boleh berhubung dengan saya, **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopik dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**

